AUTHOR: No author available SECTION: ARENA PAGE: 46 PRINTED SIZE: 189.00cm² REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 7,445.00 ITEM ID: MY0062136057



12 JAN, 2025

THT rangka strategi berbeza berdepan TNB Thunderbolts

Metro Ahad, Malaysia





THT rangka strategi berbeza berdepan TNB Thunderbolts

Kuala Terengganu: Ketua jurulatih Pasukan Hoki Terengganu (THT), Mohd Harfizi Baharom menegaskan pasukannya perlu memperkasakan lagi situasi pukulan sudut penalti dalam misi meneruskan rentak kemenangan.

Jelas jurulatih kelahiran Melaka itu, kegagalan anak buahnya memanfaatkan beberapa peluang melalui situasi itu sedikit merisaukannya.

Bagaimanapun beliau menjelaskan pasukannya akan merangka strategi berbeza untuk berdepan dengan TNB Thunderbolts pada aksi keempat Liga Hoki Malaysia (MHL) di Stadium Hoki Batu Buruk (SHBB), petang ini.

"Kita perlu berwaspada dan tidak boleh memandang rendah berdepann TNB Thunderbolts kerana pasukan itu dibarisi pemain remaja kebangsaan.

"Pada masa sama saya juga mengingatkan pemain lebih fokus dan bermain dengan lebih baik berbanding tiga perlawanan sebelum ini.

"Mengenai situasi pukulan sudut penalti, kita akan gandakan lagi latihan bagi memastikan peluang sedemikian tidak dilepaskan begitu sahaja untuk menjaringkan gol," katanya ketika ditemui selepas tamat perlawanan menentang UiTM HA-KPT di SHBB,

petang kelmarin.

Ketika ditanya mengenai prestasi dua tonggak import, Lee Nam Young dari Korea Selatan dan penyerang Afrika Selatan, Samkelo Mvimbi, Harfizi berkata, dua pemain itu beraksi dengan baik sepanjang tiga perlawanan lalu.

"Walaupun penyerang, Mvimbi belum menjaringkan gol kerana saya letak pemain itu di posisi tengah, tapi dia dan pemain Korea Selatan itu antara nadi pasukan," katanya.

Juara Piala Sumbangsih musim ini itu kini menghuni di tangga teratas liga dengan mengutip sembilan mata selepas tiga perlawanan.